

SOALAN NO: 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' DR.MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 26 MEI 216 (KHAMIS)

SOALAN : 68

Dato' Dr.Mujahid Yusof Rawa [ParitBuntar] mintaMENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA menyatakan usaha-usaha pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan Jabatan berkaitan bagi menggalakkan pengeluaran filem-filem yang berkualiti dan bagus seperti Filem 'Redha' arahan Tunku Mona Riza yang telah ditayangkan di pawagam seluruh Negara baru-baru ini.

JAWAPAN :

Kementerian telah mewujudkan Dana Pembangunan (Development Fund) di bawah Content Malaysia Pitching Centre yang dikelolakan oleh FINAS bagi menggalakkan pengeluaran filem-filem yang berkualiti dan bagus. Dengan adanya Dana ini, ianya dapat memberikan peluang kepada penggiat penggiat seni untuk berkarya dan menghasilkan skrip filem yang lebih berkualiti dan bermutu. Hasrat Dana Pembangunan ini untuk melahirkan penulis-penulis tempatan yang berkualiti dan memberi kemudahan untuk mereka berkarya dengan lebih berkesan. Dana ini juga memberikan ruang yang selesa kepada pembikin filem untuk membuat penyelidikan tentang subjek filem mereka serta membolehkan pembangunan skrip yang lebih mantap sebelum proses penerbitan dilakukan.